

Soalan No: 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]****TARIKH : 1.8.2017****SOALAN :**

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan forum Ekonomi Dunia telah membuat jangkaan bahawa antara pemain utama ekonomi dunia pada 2030 adalah China, Amerika Syarikat dan India. Adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan pengambilan mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Tamil di samping penguasaan bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris demi meningkatkan keboleh pasaran anak-anak Malaysia daripada aspek pekerjaan dan perniagaan pada masa itu dan seterusnya bila berhadapan dengan masa depan yang lebih mencabar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penguasaan murid dalam pelbagai bahasa adalah selaras dengan hasrat aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Murid-murid perlu menguasai dwibahasa, bahasa Melayu dan bahasa Ingeris. Pada masa yang sama, bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Cina dan bahasa Tamil adalah digalakkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Bahasa Cina dan

Bahasa Tamil merupakan mata pelajaran teras masing-masing di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) dan diajar sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK).

Kelas Bahasa Cina dilaksanakan di SK dan SMK sama ada dalam jadual waktu ataupun secara kelas *Peoples Own Language* (POL) telah memberi peluang kepada murid-murid untuk mempelajari mata pelajaran ini. Pada masa ini sebanyak 1,298 buah SJKC, 466 buah SK dan 972 buah SMK menawarkan Bahasa Cina bagi tahun 2017. Bahasa Cina turut dilaksanakan di 25 buah sekolah berasrama penuh sebagai suatu mata pelajaran bahasa antarabangsa.